

19/12/1997

Hospital swasta perlu prihatin

HOSPITAL swasta sudah kerap diminta lebih prihatin melaksanakan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat, khususnya golongan berpendapatan rendah. Ketika ekonomi negara sedang memuncak, mereka diminta memberi peluang golongan itu menikmati perkhidmatan disediakan kalau pun tidak secara percuma, tetapi pada kadar yang mereka mampu. Kini mereka diminta melakukan lebih lagi tanggungjawab sosial itu dengan mengenakan caj rawatan lebih rendah, bukan saja terhad kepada golongan berpendapatan rendah tetapi pesakit tempatan keseluruhannya berikutan negara kini berhadapan dengan masalah ekonomi.

Kita akui hospital swasta yang banyak tumbuh ketika negara menikmati zaman mewah, sudah membuat keuntungan begitu besar. Malah beberapa hospital swasta dapat meningkatkan modalnya apabila bertukar menjadi syarikat awam dan disenaraikan di bursa saham. Ketika zaman mewah, bukan saja mereka yang banyak duit datang ke hospital swasta, tetapi rakyat yang sederhana pendapatannya pun memilih mendapat rawatan di situ, kerana mahukan layanan cepat dan selesa.

Penjagaan kesihatan adalah penting tanpa mengira mana-mana golongan.

Kita tidak boleh menafikan rakyat memerlukan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan yang sempurna dan memang itulah tujuan pengwujudan hospital swasta, iaitu memberikan yang terbaik kepada pelanggannya, asalkan mereka sanggup membayar lebih. Malah, hasil kemakmuran negara, sudah ada beberapa hospital swasta yang menyediakan kemudahan bilik dan layanan menyamai hotel bertaraf lima bintang.

Namun, dalam keadaan meleset kini, masyarakat khususnya golongan terbanyak tidak ada banyak pilihan. Seperti kata menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, hospital kerajaan kini menanggung beban yang teruk apabila rakyat terbanyak tidak ada pilihan tetapi terpaksa mendapat rawatan di situ. Nilai ringgit yang jatuh menyebabkan rakyat terpaksa berhadapan dengan kemerosotan nilai pendapatan iaitu lebih 40 peratus yang sekali gus menjejaskan kuasa beli mereka. Malangnya, ketika kuasa beli rakyat merosot, belum pula kita dengar mana-mana hospital swasta dengan rela hati bertindak mengenakan bayaran perkhidmatan yang lebih rendah.

Kita bukan mahu menafikan hak hospital swasta membuat keuntungan, tetapi dalam kegawatan ekonomi sekarang, ketika semua pihak baik di sektor kerajaan, swasta malah rakyat seluruhnya sanggup berkorban dengan berjimat dan berhemat, tidak terkecuali juga jika hospital swasta turut sama menyumbang sedikit ke arah itu. Selepas beberapa lama hospital swasta meraih keuntungan berlipat ganda sehingga membolehkannya menubuhkan banyak cawangan di seluruh negara, manakala pendapatan tenaga doktor dan pakarnya sangat tinggi melebihi rakan mereka di hospital kerajaan, rasanya, sebagai tanda terima kasih kepada negara dan rakyat, sewajarnya mereka turut menyumbang dengan mengurangkan caj rawatan pesakit.

Atas keprihatinan itulah kita harap hospital swasta menerima baik saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mereka melakukan sedikit pengorbanan dan memenuhi tanggungjawab sosial dengan memberi potongan bayaran perubatan kepada pesakit tempatan. Mereka masih boleh membuat keuntungan dengan mengenakan caj tinggi kepada pesakit asing yang tinggal di sini yang nilai mata wang mereka tidak terjejas.

Kita percaya keengganan sesetengah hospital swasta menurunkan kadar perubatan kerana mahu mengekalkan keuntungan yang dicapai sebelum ini. Dengan keuntungan yang tinggi, mereka masih lagi dapat mengekalkan kos

operasi dan gaji tinggi kakitangan termasuk pakar perubatan agar tidak dipancing oleh pesaing mereka.

Pastinya, keadaan ini tidak lagi boleh berterusan. Kita tidak mahu hanya kerana mahu memastikan kakitangan dan pakar perubatan tetap menerima habuan yang tinggi, terus kekal dengan mereka, kadar caj perubatan tinggi terpaksa dikekalkan tanpa mengambil kira kepayahan orang lain.

Kita menyokong langkah kerajaan apabila menteri dan pegawai kanan sektor awamnya dipotong gaji 10 peratus. Sektor swasta lain juga sudah menyatakan kesediaan untuk berbuat demikian. Justeru, hospital juga tidak boleh terkecuali. Kita percaya dengan cara itu, ia dapat mengurangkan kos pengurusan hospital yang seterusnya membolehkan caj bayaran perkhidmatan berpatutan diterima oleh semua.

(END)